

Hormati keputusan pilihan raya

Saya ucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana kembali mentadbir Malaysia selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Saya harap semua pihak hormati keputusan rakyat dan jangan memberontak seperti dilakukan pihak berkenaan di Stadium Kelana Jaya, Rabu lalu.

Sebagai rakyat yang mengamalkan kehidupan demokratik, kita sepatutnya tidak membuang masa dengan mengadakan pemberontakan.

“**Perhimpunan di Stadium Kelana Jaya tidak menggambarkan perasaan seluruh rakyat Malaysia”**

Hormatilah hak rakyat dan undang-undang kita junjung selama ini. Demokrasi adalah milik rakyat dan hargai mengikut lunas undang-undang.

Perhimpunan di Stadium Kelana Jaya tidak menggambarkan perasaan seluruh rakyat Malaysia. Pihak pembangkang seharusnya mencerminkan diri mereka sebelum membuat keputusan yang terburu-buru dengan mengadakan perhimpunan haram.

Selepas selesainya pilihan raya, tiba masa untuk menyatupadukan kaum demi mencapai matlamat 1Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri kita.

Ummu Fatin Naaifah Othman,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM